

Sukar putuskan waktu sesuai letak jawatan — PM

UM 22 JUN 2001

KUALA LUMPUR 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sukar baginya membuat keputusan bilakah masa yang sesuai untuk meletakkan jawatan kerana banyak tanggungjawab yang perlu dipikul demi kepentingan rakyat dan negara.

Bagaimanapun, dalam masa yang sama Perdana Menteri menjelaskan beliau tidak bercita-cita untuk terus memimpin negara setelah kira-kira 20 tahun menjadi Perdana Menteri.

Menurutnya lagi, beliau pernah berhasrat untuk meletakkan jawatan pada tahun 1998, tetapi keadaan pada masa itu

tidak mengizinkannya berbuat demikian.

Dr. Mahathir menegaskan, peletakan jawatan bukan satu perkara mudah seperti yang dianggap oleh sesetengah pihak.

Sebagai seorang Perdana Menteri, katanya, beliau mempunyai tanggungjawab yang besar untuk dipikul.

“Sukar untuk tetapkan waktu yang sesuai bagi saya meletakkan jawatan dan saya belum membuat keputusan mengenainya.

“Pada tahun 1998, saya sudah berhasrat untuk meletakkan jawatan tetapi keadaan tidak me-

ngizinkan,” katanya ketika menjawab soalan daripada pihak media asing.

Perdana Menteri berkata demikian pada persidangan akhbar di akhir hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO bagaimanapun berkata, beliau akan mencari masa yang sesuai untuk meletakkan jawatan setelah segala tanggungjawab berjaya dipikul.

Katanya, beliau masih menerima sokongan untuk terus memimpin berdasarkan ucapan pa-

ra perwakilan dalam perbincangan hari ini.

Malah katanya, ramai perwakilan yang mahukan supaya beliau terus memimpin dan memikul tanggungjawab sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

“Anda boleh lihat pada perhimpunan ini, ramai yang mahukan saya terus memimpin,” katanya.

Namun begitu kata beliau, ada juga pihak yang mahukan beliau meletakkan jawatan setelah sekian lama memimpin.